

Peruntukan yang Wajar untuk Belanjawan Kesihatan 2023

Gabungan Kesihatan Malaysia (MHC) bimbang kerana purata jangka hayat rakyat Malaysia telah menurun daripada 74.4 tahun (2012) kepada 73.4 tahun (2022) seperti yang baru dilaporkan oleh [Jabatan Perangkaan Malaysia](#). Pada masa ini, jangka hayat rakyat Malaysia lebih rendah daripada Brunei, Singapore dan Thailand.

Penurunan purata jangka hayat mencerminkan impak Covid-19 dan keperluan untuk peruntukan yang lebih tinggi bagi kesihatan awam. Hal ini kerana [purata jangka hayat](#) rakyat adalah lebih panjang di negara yang lebih banyak melabur dalam sistem kesihatan mereka. Oleh itu, kami sangat menyokong seruan Menteri Kesihatan untuk meningkatkan peruntukan Belanjawan Kesihatan 2023 daripada 2% KDNK kepada 5%. Kami menyeru supaya dasar ini dilaksanakan bermula dengan Belanjawan 2023. Peruntukan tambahan ini mesti dibelanjakan secara telus dan bebas daripada rasuah.

Kami juga mencadangkan perkara yang berikut:

1. Meningkatkan Peruntukan Kesihatan Awam secara Sistematik

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, 5% sehingga 6% daripada KDNK negara tersebut perlu diperuntukkan untuk mencapai [perlindungan kesihatan sejagat](#). Kebanyakan negara berpendapatan sederhana tinggi membelanjakan [3.2%](#) daripada KDNK mereka untuk kesihatan awam manakala Malaysia hanya melaburkan [2.6%](#). Walaupun Malaysia menghadapi cabaran dengan belanjawan yang terhad dan [inflasi](#) yang semakin meningkat, kita masih perlu menjaga rakyat Malaysia dengan berkesan. Oleh itu, kami mengharapkan [peningkatan beransuran](#) dengan peruntukan yang boleh diramalkan serta strategi tadbir-urus yang teguh.

2. Meningkatkan Daya Tahan Sistem Kesihatan Kita

Pelaburan diperlukan untuk meningkatkan daya tahan sistem kesihatan negara, terutamanya semasa krisis. Kami mencadangkan tiga strategi. Pertamanya, kami mesti mengukuhkan kawalan penyakit tidak berjangkit seperti kencing manis dan penyakit jantung. Oleh itu, kami menyokong cadangan Menteri untuk menggubal Rang Undang-Undang Kawalan Produk Tembakau dan Merokok serta melaksanakan strategi Generasi Penamat Rokok. Kedua, kita mesti mempertimbangkan satu program insurans kesihatan sosial yang mandatori untuk warganegara Malaysia dan pekerja asing di mana sumbangan minima disalurkan kepada kad insurans kesihatan atau satu dana kesihatan. Yang ketiga, kami mencadangkan pelaburan tambahan untuk menambah akses kepada kesihatan digital. Ini mesti disertakan dengan pembangunan infrastruktur 5G dan telekomunikasi yang kukuh.

3. Selaraskan Belanjawan dengan Kertas Putih Kesihatan

Belanjawan 2023 mesti menyokong Kertas Putih Kesihatan (KPS). Walaupun Belanjawan 2023 akan dibentangkan pada Okt 2022, sebelum KPS yang dijangka hanya akan dibentangkan pada Nov-Dis 2022, kami berharap Belanjawan tersebut akan melibatkan Sekretariat dan Majlis Penasihat KPS. Penglibatan tersebut membolehkan Belanjawan 2023 untuk mula menyokong pelaksanaan jangka panjang pembaharuan yang dicadangkan. Belanjawan 2023 juga perlu fleksibel untuk menampung keperluan KPS sebaik sahaja diluluskan di Parlimen.

Kami mengharapkan Belanjawan Kesihatan yang mencukupi untuk 2023, untuk memperkukuhkan sistem kesihatan Malaysia, melibatkan KPS dan tadbir-urus yang berkesan. Belanjawan yang mencukupi dan responsif adalah penting untuk menyokong transformasi sistem kesihatan Malaysia supaya lebih mampan dan berkesan.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA.

Malaysian Health Coalition (senarai tandatangan penuh di myhealthcoalition.org)

5 OKTOBER 2022

Senarai Tandatangan:**Persatuan**

1. Academy of Medicine Malaysia
2. Association of Malaysian Optometrists
3. College of Anaesthesiologists
4. College of Physicians Malaysia
5. College of Surgeons Academy of Medicine of Malaysia
6. Islamic Medical Association of Malaysia
7. Lung Cancer Network of Malaysia
8. Malaysian Association for Bronchology and Interventional Pulmonology
9. Malaysian Association of Clinical Biochemists
10. Malaysian Association of Dental Public Health Specialists
11. Malaysian Association of Environmental Health
12. Malaysian Association of Medical Assistants
13. Malaysian Coalition on Ageing
14. Malaysian Dental Association
15. Malaysian Paediatric Association
16. Malaysian Pharmacists Society
17. Malaysian Society of Anaesthesiologists
18. Malaysian Society of Clinical Psychology
19. Malaysian Society of Geriatric Medicine
20. Malaysian Society of Ophthalmology
21. Malaysian Thoracic Society
22. Medical Mythbusters Malaysia
23. Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia
24. National Cancer Society of Malaysia
25. Obstetrical and Gynaecological Society of Malaysia
26. Perinatal Society of Malaysia

Individu

1. Assoc Prof Dr Uma Devi Palanisamy
2. Dato' Dr Amar Singh-HSS
3. Dato' Dr Jahizah Hassan
4. Prof Datuk Dr Zulkifli Ismail
5. Prof Dr GR Letchuman Ramanathan
6. Prof Dr Mohd Zamrin Dimon
7. Prof Dr Roslina Abdul Manap
8. Prof Dr Zaleha Abdullah Mahdy

Diselaraskan oleh: Dr Rebecca Lee, Mellinnda Xavier